



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 12 SEPTEMBER 2022**

<b>BIL.</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MISTERI AIR WARNA MERAH DI SUNGAI RAMBAI, NASIONAL, SH -4 & 5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
2.	JPS NAIK TARAF 7 SKIM PENGAIRAN SAWAH, NEGARA, KOSMO -16	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Tinjauan wartawan *Sinar Premium* menyaksikan penduduk sekitar enggan buka mulut kerana takut diancam

PORT DICKSON

**M**enyingkap pendedahan berhubung Sungai Rambai di Lukut, menjadi satu-satunya sungai tercemar di Malaysia yang berada dalam Kelas Lima, kru *Sinar Premium* turun ke lokasi untuk melihat sendiri keadaan di sana.

Bermula tanggal 9 Februari lalu, kami memulakan siasatan dengan tujuan mengumpul gambar dan video sungai berkenaan seperti yang maklumkan oleh Pengarah Bahagian Air dan Marin, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Rosli Mustafa.

Setibanya di lokasi yang mengambil masa sekitar lebih satu jam dari pejabat di Shah Alam, kami benar-benar terkejut apabila mendapati sungai yang mengalir di sebelah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Tanah Merah Site A itu, warnanya hitam dan berbau busuk serta dipenuhi sampah yang berulat.

Bayangkanlah walaupun kami memakai pelitup muka tiga lapisan, bau sungai tetap menusuk hidung dan boleh membuat sesiapa sahaja berasa loya apabila berdekatan dengan sungai tersebut.

Timbul persoalan bagaimana penduduk dan murid sekolah di kawasan sungai tersebut boleh 'hidup' dengan suasana yang tidak menyenangkan itu.

Melihat keadaan yang rupanya lebih teruk berbanding pemakluman oleh Rosli, kami mengeluarkan segala peralatan untuk memulakan rakaman di sungai tersebut bersama wakil Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan (JPVNS).

#### Penduduk dakwa Sungai Rambai dikawal gangster

Ketika lensa kamera sedang asyik merakam suasana di sepanjang sungai, kami didekati oleh penduduk di situ yang pada awalnya hairan melihat tingkah laku kami, tambahan pula kenderaan yang dinaiki dipenuhi pelekat logo *Sinar Harian*.

Ingin mengambil peluang yang ada, seorang daripada kami bertanyakan kepada penduduk di situ sekiranya dia sedar bahawa mereka tinggal berdekatan dengan sungai yang paling tercemar di negara ini.

Reaksi penduduk tersebut langsung tidak terkejut, tetapi enggan dirakam oleh lensa kami.

Dia seolah-olah tahu akan isu mengenai sungai tersebut, namun enggan dan takut untuk ditemu bual kerana mendedahkan dirinya akan mendapat 'habuan' sekiranya membuka mulut.

"Saya sudah lama duduk di sini. Sungai ini memang sangat kotor dan berbau tetapi saya tidak boleh cakap lebih-lebih atau 'akan kena,'" katanya.

Pendedahan itu sedikit sebanyak mengundang seribu persoalan buat kami

# Misteri air warna merah di Sungai Rambai

EKSKLUSIF



Penemuan longkang yang mengalirkan air berwarna merah masuk ke Sungai Rambai.

PREMIUM

yang pada awalnya turun ke lokasi bagi tujuan membuat laporan tentang sungai ngai paling tercemar.

Kehadiran kami di lokasi secara tidak sengaja menyingkap isu yang lebih mendalam tentang sungai berkenaan apabila ada yang mendakwa Sungai Rambai tercemar hasil pembuangan dari kawasan penternakan dari ladang ternakan babi yang ada berhampiran sungai tersebut.

"Aktiviti menyembelih lebih 1,000 ekor babi sehari pernah dilakukan dan pihak tidak bertanggungjawab yang membuang air darah babi ke dalam sungai, menjadikan ia lebih kotor dan berbau," kata seorang lagi penduduk yang menghampiri kami.

#### Longkang mengalir air berwarna merah

Pendedahan dua penduduk itu membuat kami ingin terus menyelongkar misteri mengapa Sungai Rambai dilabel sebagai sungai paling tercemar.

Sebelum ini, kawasan berkenaan terkenal dengan aktiviti penternakan babi secara haram pada tahun 2014, namun JPVNS yang turut serta dalam tinjauan berkenaan memaklumkan, pihak mereka tidak menerima sebarang laporan mengenai kegiatan penternakan babi pada ketika ini seperti yang didakwa penduduk.

Cumanya, JPVNS memaklumkan ada menerima laporan mengenai penyembelihan babi secara haram di Bukit



Sungai Rambai terletak di daerah Port Dickson, Negeri Sembilan.

#### Pelanduk.

Lokasinya sekitar 9.7 kilometer atau 10 minit perjalanan dari Tanah Merah, Site A dan ia telah diambil tindakan oleh penguat kuasa.

Berdasarkan penjelasan dua penduduk itu, tanpa ditemani JPVNS, kami mengambil keputusan meninjau ke lokasi lebih dalam di sepanjang Sungai Rambai untuk melihat sendiri apa yang didakwa oleh penduduk.

Kira-kira dua kilometer perjalanan, terdapat sebuah kandang yang terbiar, namun tiada halwan di kawasan tersebut. Tidak jauh dari situ, kami dikejutkan dengan penemuan air berwarna merah mengalir dari saluran longkang terus ke dalam Sungai Rambai.

Kami bersiap sedia untuk berhenti tetapi tidak disangka ada sebuah Lori besar yang bergerak laju dan mengekori rapat

Gambar menunjukkan perbezaan warna air mineral dalam botol kecil (kiri) berbanding warna air di Sungai Rambai di botol besar (kanan).

di belakang seolah-olah cuba mengancam kehadiran kami di situ.

Biarpun begitu, juruvideo terus merakam lokasi air berwarna merah itu melalui dalam kereta yang bergerak.

Kami kemudiannya bertindak beredar dan pulang ke pejabat kerana khuatir dengan keselamatan diri.

Kerajaan Negeri Sembilan sebelum ini pernah menubuhkan jawatankuasa khas bagi menyiasat kewujudan sebuah kawasan ternakan babi yang beroperasi secara haram di Kampung Baru Site A di Port Dickson.

Menteri Besarnya, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, kegiatan tersebut dipercayai bermula secara kecil-kecilan sejak tahun 2004, namun tiada tindakan yang diambil sehingga ke tahun ini.

Persoalannya, mengapakah sungai itu kekal tercemar bertahun lamanya dan tiada penambahbaikan dilakukan?

Adakah benar terdapat individu yang 'menjaga' kawasan tersebut dan terus melakukan aktiviti pembuangan haram ke dalam sungai?

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/9/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	5



Kru Sinar Premium hadir semula ke lokasi mengalir air berwarna merah pada 21 Februari untuk mengambil sampel air berkenaan.



Seorang pekerja di Jabatan Alam Sekitar, Negeri Sembilan sedang mengeluarkan alat YSI Multiparameter Digital Water Quality Meter untuk memeriksa bacaan parameter air sungai.



Sisa haiwan yang tidak dapat dipastikan turut ditemui di Sungai Rambal.



Sungai Rambal turut dicemari dengan sampah sarap, bangkai haiwan dan ulat.



Begitulah keadaan Sungai Rambal selepas hujan.



Kru Sinar Premium melakukan siri pemantauan selama beberapa bulan di Sungai Rambal, Lukut, Port Dickson bagi memastikan sama ada pencemaran yang berlaku secara berkala atau berterusan.

**Ambil sampel air sungai**  
 Tidak berpuas hati dengan hasil yang kami peroleh, malah timbul pula tanda tanya mengapa Sungai Rambal tercemar dengan begitu teruk serta penemuan air berwarna merah mengalir dari saluran longkang terus ke dalam sungai, kami mengambil keputusan untuk turun semula ke lokasi pada 21 Februari lalu.  
 Dengan menaiki kenderaan sendiri dan ditemani wakil Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Pekal), tujuan kami ke situ adalah untuk mengambil sampel dari lokasi air berwarna merah untuk di hantar ke makmal.  
 Kali ini, kehadiran kami tidak disedari oleh sesiapa memandangkan menggunakan peralatan yang minimum dan hanya merakam suasana di kawasan sekitar dengan menggunakan telefon mbt.  
 Dua bekas air telah diperolehi, di mana satu bekas berisi sampel air berwarna merah dan satu lagi sampel air campuran sekolahan.  
 Dua sampel itu kemudian dihantar ke makmal ALS (Australian Laboratory Services) Technichem Malaysia di

Glenmarie, Shah Alam.  
 Ujian sampel itu dilakukan bagi mendapatkan jawapan sama ada air itu mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi atau tidak, dan tahap pencemarannya.  
**Sungai Rambal langsung tiada perubahan**  
 Kami melakukan siri pemantauan selama beberapa bulan di Sungai Rambal bagi memastikan sama ada pencemarannya secara berkala atau berterusan.  
 Kru Sinar Premium turun lagi ke Sungai Rambal pada bulan Mei dan Julai lalu untuk melihat keadaan air sungai itu.  
 Yang pasti, sepanjang tempoh pemantauan dari Februari sehingga Julai lepas, keadaan Sungai Rambal masih lagi sama. Hitam, busuk dan masih terdapat bangkai binatang.  
 Persoalannya, dalam tempoh terdekat ini, dengan pendedahan berkenaan; apa yang boleh dilakukan oleh setiap agensi terlibat bagi memastikan Sungai Rambal tidak terus dinobatkan sebagai sungai paling tercemar di Malaysia untuk tahun-tahun mendatang?

## JPS naik taraf 7 skim pengairan sawah

**KUALA PILAH** – Sebanyak tujuh skim pengairan bagi tujuan penanaman padi yang berada di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan kini dalam proses pelaksanaan pembinaan dan dinaik taraf.

Pengarah JPS negeri, Ir. Saari Abdullah berkata, projek menerusi peruntukan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan itu bertujuan memastikan jaminan makanan negara sentiasa terpelihara.

“Skim Terachi antara yang diberi perhatian daripada keseluruhan skim-skim pengairan padi di Negeri Sembilan.

“Terdapat 14 skim pengairan kecil dengan keluasan 2,065 hektar di Negeri Sembilan di mana terdapat 12 skim pengairan yang masih aktif dengan aktiviti penanaman padi.

“Pada masa kini, tujuh skim pengairan yang berada di bawah seliaan JPS negeri

sedang dalam pelaksanaan pembinaan bagi menaik taraf infrastruktur pengairan termasuklah Skim Pengairan Terachi Batu 14 di mana terletaknya lokasi Tapak Ngoca, Perkampungan Budaya Terachi,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas program Pesta Tarik Tali Ngoca sempena Sambutan Hari Air Sedunia 2022 Peringkat Negeri Sembilan di Tapak Ngoca, Perkampungan Budaya Terachi di sini hari ini.

Program berkenaan turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun.

Sementara itu, Saari berkata, Pesta Tarik Tali Ngoca itu diadakan bagi mengimbau nostalgia aktiviti tradisional ‘mengoca’ iaitu menangkap ikan menggunakan tangan di sawah padi yang sinonim dengan penduduk setempat di daerah ini.



**AMINUDDIN** (empat dari kanan) dan Saari (kanan) mengoca ikan pada program Pesta Tarik Tali Ngoca di Kuala Pilah semalam.